



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PEMANTAUAN RAPI DAN BERTERUSAN BAGI MENYEGERAKAN PELAKSANAAN PROJEK INFRA RAKYAT

MELAKA – YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Pemantauan Projek Pembinaan Infra Rakyat Kementerian Pelanggan Bilangan 3 Tahun 2026. Mesyuarat berkala ini dilakukan bagi memastikan projek pembangunan fizikal dipantau secara rapi dan berterusan selari dengan hala tuju Kementerian Kerja Raya (KKR) 2025 iaitu Sifar Projek Sakit, Projek disiapkan lebih awal (AOT – Ahead of Time) dan Sifar kemalangan di tapak pembinaan selaras dengan gesaan YAB Perdana Menteri bagi menyegerakan pembinaan infra rakyat.

2. Bagi tahun 2026 setakat 30 Julai 2026, sebanyak 2,433 projek fizikal pembinaan dengan kos projek bernilai RM133.890 bilion telah diamanahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi teknikal negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,050 projek atau 43% berada di peringkat pra-pembinaan, manakala 871 projek atau 35% dalam fasa pembinaan. Selebihnya adalah projek berstatus kerja awalan dan projek siap (termasuk yang dalam kategori DLP - Tempoh Tanggungan Kecacatan). Selain itu, terdapat sebanyak 6,188 bilangan kerja dengan nilai kerja berjumlah RM7,409 bilion berada dalam kategori penyenggaraan, pemulihan, ubah suai dan naik taraf (PPUN).

3. Untuk rekod, pada tahun 2026 sehingga kini JKR Malaysia telah berjaya menyiapkan (telah CPC) sebanyak 118 projek fizikal pembinaan kepada kementerian pelanggan dengan kos projek bernilai RM4.187 bilion yang merangkumi projek RMK-9 hingga RMK-12.

4. Daripada 871 projek yang sedang dalam fasa pembinaan, sebanyak 828 projek berada di bawah seliaan JKR Malaysia, manakala 45 projek lagi berada di bawah seliaan JKR Sabah dan JKR Sarawak. Projek-projek ini dimiliki pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan kementerian lain.

5. Sebanyak 560 projek atau 64.29% daripada 871 projek fasa pembinaan yang diselia oleh JKR Malaysia sedang berjalan lancar dimana 256 projek (29.39%) berada dalam kategori Awal Dari Jadual (Ahead of Time) dan 304 projek (34.90%) pula dalam kategori Mengikut Jadual.

6. Antara penyebab utama yang mempengaruhi jadual pelaksanaan projek adalah isu kontraktor (81%) seperti kelemahan pengurusan projek, masalah aliran kewangan serta isu kekurangan tenaga kerja dan bahan binaan di tapak. Selain itu, isu-isu lain (19%) ialah isu pengambilan balik tanah dan bayaran pampasan, masalah kelulusan dan kelewatan pengalihan utiliti seperti air, elektrik, pembentungan dan telekomunikasi serta masalah cuaca dan bencana alam.

7. Jabatan amat memandang serius isu kelewatan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Melalui pemantauan rapi oleh Pegawai Penguasa (SO) serta lawatan turun padang (TURPA) oleh pengurusan atasan JKR termasuk kepimpinan tertinggi KKR dengan memahami isu-isu yang berbangkit, masalah projek dapat diselesaikan dan didapati trend projek sakit telah menunjukkan penurunan daripada 6.81% pada Jun 2025 kepada 4.13 % sehingga kini.

8. Bagi menangani isu kelewatan dan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan projek kerajaan, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan beberapa inisiatif strategik berasaskan teknologi, termasuk penggunaan *Building Information Modelling* (BIM) serta Sistem Modular dan Pratuang (*Modular and Pre-Cast System*). Inisiatif ini bertujuan mempercepatkan pelaksanaan kerja pembinaan serta meningkatkan kawalan terhadap kos, tempoh dan kualiti projek.

9. Seiring dengan inisiatif tersebut, KKR melalui JKR kekal komited untuk menambah baik kaedah perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan kawalan projek secara berterusan. Penekanan akan diberikan kepada perancangan pra-pembinaan yang lebih rapi, meliputi pengesahan skop projek, kesiapsiagaan tapak, penyelarasan reka bentuk, kecukupan peruntukan, status pengambilan tanah, kelulusan teknikal serta keupayaan rantai bekalan, sebelum sesuatu projek dimulakan.

10. Kejayaan pelaksanaan sesuatu projek pembinaan dan penyenggaraan bergantung pada persefahaman, komitmen serta kerjasama erat antara Pegawai Penguasa Projek, perunding, kontraktor dan agensi kerajaan yang berkaitan. Pengurusan projek yang cekap dan bersepadu, khususnya dalam aspek perancangan, penyelarasan rentas agensi, penyaluran peruntukan, pengalihan utiliti, pemantauan kemajuan secara rapi dan berterusan, serta pematuhan terhadap keperluan keselamatan dan kesihatan di tapak bina, merupakan faktor penting bagi memastikan projek infrastruktur rakyat dilaksanakan secara teratur, berkualiti dan disiapkan mengikut jadual. Pendekatan ini juga mencerminkan iltizam Kerajaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang pantas, berintegriti dan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi serta teras utama Malaysia MADANI.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
20 Ogos 2026

#KementerianKerjaRaya
#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#JKR
#JasaKepadaRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja